

Ugut adik dengan pisau, lelaki dipenjara 10 bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 10 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah didapati bersalah mengugut hendak mencederakan adik perempuannya menggunakan sebilah pisau.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam

setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukan-nya serta mengambil kira kepentingan awam.

Zulqimi Sulaiman, 40, dari Kampung Batu Satu, Jalan Kuala Baram dekat

sini, telah didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah melakukan ugutan jenayah

dengan mengugut hendak mencederakan sambil mengacukan sebilah pisau ke arah adik perempuannya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3.15 petang, 16 Mei lalu di rumah keluarganya di Kampung Batu Satu, Jalan Kuala Baram dekat di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.